



## Wanita wajar dilindungi, bukan diabaikan

**Suami kena bantu isteri menguruskan rumah tangga**

Realiti ini bukan saja berlaku kepada isteri, tetapi juga suami, melainkan mereka yang tidak mahu bertanggungjawab atau mengambil tahu hal rumah tangga.

### Letak wanita di tempat wajar

Kita perlu ingat Islam telah meletakkan wanita di tempat yang paling wajar. Daripada ditanam hidup-hidup selepas lahir untuk menutup malu, hak untuk hidup diperjuangkan oleh agama sehingga berjaya membina satu budaya menghormati wanita sebagai insan yang tiada bezanya dengan lelaki.

Malah, jika terdapat pasangan yang tidak mendapat zuriat perempuan, ibu bapa berusaha sedaya upaya supaya Allah menganugerahkan apa yang dikehendaki.

Sejarah membuktikan junjungan

besar Nabi Muhammad SAW adalah pembela wanita yang terlung. Perutusan Baginda sebagai Nabi dan Rasul, membawa risalah Islam yang sempurna sekali gus berjaya meletakkan wanita ke satu taraf lebih mulia, berbanding nasib mereka dalam era jahiliah.

Namun, masih terdapat situasi di mana wanita masih tidak diletakkan atau menempatkan diri di tempat sepatutnya sesuai dengan fitrah kejadian mereka. Mereka diremehkan, pandangan dan suara hati tidak diberi perhatian, bahkan pendapat wanita yang menyentuh kepentingan diri ada kala tidak dipandang serius.

Ada yang mempunyai suami, tetapi tidak dilindungi. Fizikal mereka lemah, tetapi kepada merekalah banyak tanggungan dan beban tertumpah. Sikap keprihatinan dan penyayang yang tinggi menyebabkan mereka sering beralah.

Rasulullah SAW bersabda: "Sebaik-baik kamu ialah orang paling baik terhadap ahli keluarganya dan akulah sebaik-baik di antara kamu kepada ahli keluargaku."

### Tersepit antara tugas hakiki, kerjaya

Sering kali wanita tersepit antara tanggungjawab hakiki dalam rumah tangga dengan kerjaya yang menuntut iltizam bukan sedikit. Wanita juga ingin berlumba-lumba untuk membuat kebaikan seperti lelaki.

Justeru, membataskan peluang kerjaya kepada wanita amatlah tidak adil kerana berkerja juga adalah amal soleh jika dilakukan untuk mendapat keredaan Allah SWT.

Firman Allah SWT yang bermaksud: "Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan sedang ia beriman, maka sungguh Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya Kami akan membalas mereka, dengan pahala yang lebih baik dari apa yang mereka telah kerjakan." (Surah al-Nahl, ayat 97)

Dalam Islam, lelaki adalah ketua yang diamanahkan untuk menjaga wanita, sama ada sebagai ayah, suami, abang, adik atau anak. Selain peranan sebagai wali atau penjaga, mereka juga

berperanan sebagai pelindung dalam kehidupan sosial, menepis ancaman dan bahaya terhadap wanita.

Tanggungjawab ini seiring dengan beberapa kelebihan dan sifat semula jadi yang dikurniakan Allah SWT. Sehubungan itu, lelaki hendaklah sentiasa berusaha memahami keperluan dan kehendak wanita.

Allah SWT telah berpesan kepada kaum lelaki dalam firman yang bermaksud: "Lelaki adalah pemimpin bagi wanita, kerana Allah telah melebihkan orang lelaki atas wanita, dan juga kerana lelaki telah membelanjakan dari harta mereka." (Surah an-Nisa', ayat 34)

### Tanggungjawab besar

Wanita yang berkeluarga dan berkerjaya dimaklumi menanggung beban tanggungjawab besar. Malah, ada segolongan wanita berkerja untuk menanggung keluarga atau membantu kewangan suami, sedangkan suami tidak memainkan peranan utama mengurus rumah tangga membantu isteri.

Apa yang berlaku, wanita sebegini menanggung dua bebanan utama, iaitu berkerja dan mengurus rumah tangga. Jika ini sesuai dengan kekuatan fizikal mereka, tidak mengapa.

Oleh itu, bagi menyempurnakan suruhan Allah SWT untuk melindungi wanita, perubahan sikap perlu bermula daripada kaum lelaki yang menjadi pelindung. Kita yakin hanya orang yang benar-benar beriman mampu memikul amanah ini.

Iman yang sempurna akan mendorong kita melaksanakan tanggungjawab dengan sempurna. Oleh itu, seseorang yang tidak menyempurnakan tanggungjawab memelihara hak wanita, bererti ia tidak sempurna imannya, walaupun sudah banyak amalan kebajikan dan ibadah dilakukannya.

Kebahagiaan wanita menjadi asas utama kepada kebahagiaan keluarga, masyarakat dan negara. Sabda Nabi Muhammad SAW: "Sesungguhnya antara sifat yang boleh menjadikan seseorang sempurna imannya ialah orang yang berakhlak mulia dan berlemah lembut dengan ahli keluarganya."



**NIK SALIDA SUHAILA**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Syariah dan  
Undang-Undang  
Universiti Sains  
Islam Malaysia